

Tasik Putrajaya diharap jadi pusat sukan air, riadah

11 AM 2 AUG 2002

PUTRAJAYA 20 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang merasmikan Tasik Putrajaya hari ini berharap tasik seluas 570 hektar itu akan menjadi pusat sukan air dan riadah yang menawarkan pelbagai aktiviti menarik kepada orang ramai.

Perdana Menteri yang berpuas hati dengan pembangunan keseluruhan tasik berkenaan berkata, Tasik Putrajaya boleh dijadikan sebagai kawasan riadah popular, kawasan keperluan sukan air peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu, kata beliau, perkhidmatan bot khas yang mempunyai 'dasar cermin' dapat diadakan bagi membolehkan pengunjung melihat dasar tasik berkenaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berharap tasik berkenaan tidak menyediakan perkhidmatan bot laju yang berupaya mengha-

silkan ombak sehingga merosakkan tebing tasik.

"Selain itu, mungkin ada satu tempat yang sesuai untuk jet ski dan akan ada pantai pasir untuk orang berenang dan bersantai macam tepi laut.

"Malah, kegiatan lumba bot dayung juga akan diadakan dan saya nampak banyak aktiviti yang boleh diadakan di tasik itu nanti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara menyempurnakan Tasik Putrajaya.

Pada majlis perasmian itu, Perdana Menteri secara simbolik menanggalkan kepingan besi di empangan sementara yang membolehkan air pada Fasa 1B mengalir masuk ke Fasa 1A untuk membentuk keseluruhan Tasik Putrajaya yang berukuran 570 hektar.

Selepas itu, Dr. Mahathir me-

ngambil masa kira-kira 45 minit menaiki bot menyusur keseluruhan tasik berkenaan.

"Saya berasa amat gembira kerana buat kali pertama saya dapat mengelilingi pulau ini. Nak fikir dulu, ia adalah satu alor kecil yang luas kurang dua meter dan sekarang ini jadi tasik yang cukup besar dan cukup dalam serta cantik," kata Dr. Mahathir.

Pembinaan Tasik Putrajaya itu terletak di sepanjang Sungai Chua dan anak-anak sungai utama yang menghala ke arah Putrajaya.

Tasik buatan manusia itu terletak kira-kira 21 meter di atas paras laut dan mempunyai tebing tasik dengan panjang keseluruhan 32 kilometer.

Ia juga turut merangkumi kawasan paya seluas 197 hektar iaitu 13 peratus daripada kawasan keseluruhan Putrajaya.